

**LAPORAN STATUS KEBERKESANAN TINDAKAN SUSULAN
MINIT MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN (MKSP) ISO QMS & ISMS UPM TAHUN 2022 (KALI KE-12)
SISTEM PENGURUSAN KUALITI (QMS) ISO 9001 DAN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) ISO 27001**

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB / TINDAKAN	STATUS PERANCANGAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN
12.3 – TINDAKAN SUSULAN DARIPADA MESYUARAT LEPAS				
1.	12.3 (b)	mengambil perhatian pada Minit 11.4.2 (e) iaitu berkenaan isu keselamatan maklumat/data iaitu berkenaan risiko banjir di kawasan Pusat Data Utama, rancangannya adalah menaik taraf pusat data dan masih menunggu keputusan permohonan Rolling Plan ke 4 dalam RMK 12 dan tindakan juga telah diambil oleh PPPA bagi mengurangkan risiko banjir berlaku. Bagi projek jangka panjang iaitu naik taraf rangkaian internet menggunakan teknologi 'wireless' secara menyeluruh, Fasa 1 telah pun siap dan sekarang sedang dalam proses menaik taraf Fasa ke 2.	Pengarah iDEC / TWP iDEC	<p>Rancangan naik taraf Pusat Data melalui permohonan Rolling Plan ke 4 dalam RMK 12 tidak diteruskan kerana ia tidak melibatkan projek pembinaan bangunan baharu.</p> <p>Risiko Pusat Data ketika ini berstatus 'Medium' dimana kebangkalian kejadian banjir berlaku amat kecil disebabkan projek berskala besar seperti MRT telah selesai. Sistem saluran telah ditambahbaik di sekitar kawasan UPM.</p> <p>Bagi projek naik taraf rangkaian internet menggunakan teknologi 'wireless' secara menyeluruh, Fasa 2 telah mula dilaksanakan pada 25 Julai 2023 dan dijangka siap pada 30 Oktober 2023.</p>
12.4.2 - Perubahan Isu Luaran dan Dalaman yang Relevan Dengan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS)				
2.	12.4.2(d)	mengambil perhatian berhubung cadangan supaya pelaporan (pembentangan isu dalaman dan isu luaran ISMS) akan datang diperincikan mengikut kategori isu dan pasukan/PTJ yang terlibat bagi memudahkan pemantauan dan maklum balas.	TWP ISMS	Diambil tindakan sebagaimana cadangan penambahbaikkan yang dilaksanakan untuk pelaporan MKSP ISMS Tahun 2023.
3.	12.4.2(e)	mengambil perhatian berhubung isu penggodaman/pencerobohan Laman Sesawang PTJ yang dibangkitkan semasa mesyuarat untuk diambil tindakan selanjutnya oleh pihak UPM.	TWP ISMS dan Pengarah iDEC	Diambil perhatian dan tindakan. Ancaman Siber turut berada pada senarai pernyataan isu dalaman dan isu luaran bagi pelaksanaan ISMS di UPM untuk tindakan pemantauan dan kawalan.

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB / TINDAKAN	STATUS PERANCANGAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN												
				Isu pencerobohan/penggodaman dikendalikan oleh UPMCert yang mana pelaporan insiden (jika ada) dilaporkan kepada Jawatankuasa Keselamatan dan Komunikasi Teknologi Maklumat (JKKTMK) dan Jawatankuasa Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JKTMK).												
12.5.1 - Kepuasan Pelanggan dan Maklum Balas Pihak Berkepentingan QMS																
4.	12.5.1 (h)	<p>mengambil perhatian maklum balas Skop Pengajaran dan Pembelajaran iaitu bagi Pelajar dan Penaja terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian oleh peneraju kerana mendapat nilai skala penilaian perkhidmatan kurang memuaskan seperti berikut :</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil</th> <th>Kategori yang mendapat Kurang Memuaskan</th> <th>Nilai Mean</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Secara keseluruhan, kemudahan sistem secara atas talian (SMP/IGIMS) berfungsi dengan lancar</td> <td>2.95</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Secara keseluruhan, anda berpuas hati dengan "tempoh menunggu" di antara Tarikh penghantaran tesis sehingga Tarikh viva yang ditetapkan (pelajar siswazah)</td> <td>2.86</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>Capaian internet di dalam bilik kuliah adalah memuaskan</td> <td>2.60</td> </tr> </tbody> </table>	Bil	Kategori yang mendapat Kurang Memuaskan	Nilai Mean	1.	Secara keseluruhan, kemudahan sistem secara atas talian (SMP/IGIMS) berfungsi dengan lancar	2.95	2.	Secara keseluruhan, anda berpuas hati dengan "tempoh menunggu" di antara Tarikh penghantaran tesis sehingga Tarikh viva yang ditetapkan (pelajar siswazah)	2.86	3.	Capaian internet di dalam bilik kuliah adalah memuaskan	2.60	Bahagian Kemasukan dan Urus Tadbir Akademik	<ol style="list-style-type: none"> Sistem SMP kini masih dalam pembangunan kepada sistem SMP4.0 di mana ianya akan mengintegrasikan sistem SMP (prasiswazah) dan iGIMS (siswazah), iaitu bersesuaian dengan keperluan semasa dan dijangka akan digunakan sepenuhnya pada Oktober 2024. Piagam Pelanggan berkaitan tempoh antara <i>viva voce</i> dengan tarikh selepas penghantaran tesis oleh pelajar kepada SPS adalah dalam tempoh empat (4) bulan. Sehingga Julai 2023, pencapaian Piagam Pelanggan ini adalah 75% berbanding 80% sasaran. Ini berikutan terdapat beberapa faktor, dan antaranya adalah pemeriksa lewat menghantar laporan, keperluan mengganti/lantik semula pemeriksa, dan kekangan mengatur tarikh <i>viva voce</i> yang bersesuaian. Namun begitu, pihak SPS telah mengambil inisiatif memperbaiki jurang pencapaian ini dengan memberi peringatan secara berkala / berjadual kepada yang berkenaan, termasuklah
Bil	Kategori yang mendapat Kurang Memuaskan	Nilai Mean														
1.	Secara keseluruhan, kemudahan sistem secara atas talian (SMP/IGIMS) berfungsi dengan lancar	2.95														
2.	Secara keseluruhan, anda berpuas hati dengan "tempoh menunggu" di antara Tarikh penghantaran tesis sehingga Tarikh viva yang ditetapkan (pelajar siswazah)	2.86														
3.	Capaian internet di dalam bilik kuliah adalah memuaskan	2.60														

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB / TINDAKAN	STATUS PERANCANGAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN
				<p>melaporkan pencapaian fakulti / sekolah / institut di Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Siswazah Universiti (JKPSU).</p> <p>3. Capaian internet kini sedang dalam proses naik taraf dengan penambahan kelajuan akses internet.</p>
12.6.1.1 - Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) 2021 dan Penetapan KPI 2022				
5.	12.6.1.1(d)	mengambil perhatian bagi Skop Akademik dan Antarabangsa terdapat satu KPI yang tidak mencapai sasaran iaitu Program <i>Summer School</i> di mana sasaran yang ditetapkan adalah 63.5% dan pencapaian hanya pada tahap 25% kerana faktor pandemik dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)	Peneraju Akademik dan Antarabangsa	<p>Peneraju KPI UPM : Laporan Pencapaian KPI UPM Tahun 2021 berdasarkan hasil Bengkel Penilaian Pencapaian KPI Q4 Tahun 2021 manakala tindakan pembetulan dan strategi penambahbaikan bagi KPI yang tidak mencapai sasaran, telah dibincangkan dalam bengkel khas dan semasa Bengkel Penetapan Sasaran KPI Tahun 2022.</p> <p>Bengkel Pencapaian Q4 2021 telah dilaksanakan pada 18 Mac 2022 manakala Bengkel Pencapaian Q4 2022 telah dilaksanakan pada 16 Februari 2023.</p> <p>Peneraju KPI HEPA : Pada tahun 2022, HEPA mempunyai 7 KPI dan mencapai 100% sasaran. Bagi KPI peratus kebolehpasaran graduan pada tahun bergraduasi bagi tahun 2022, UPM telah mencapai 99.4% berbanding 95.4% pada tahun 2021.</p>
6.	12.6.1.1(e)	mengambil maklum bagi Skop Penyelidikan dan Inovasi, KPI yang tidak mencapai sasaran adalah bagi Penerbitan dalam Jurnal Berindeks dengan sasaran adalah 4,800 manakala jumlah yang dapat dicapai adalah 3,396	Peneraju Penyelidikan dan Inovasi	
7.	12.6.1.1(f)	mengambil maklum bagi Skop Pertanian terdapat dua Sub KPI yang tidak mencapai sasaran di bawah KPI visibiliti Pertanian	Peneraju Pertanian	
8.	12.6.1.1(g)	meminta para peneraju yang tidak mencapai sasaran KPI 2021 memberikan perhatian ke atas sasaran dan pencapaian KPI tahun 2022	Semua Peneraju	
12.6.1.2 - Pencapaian Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras 2021				
9.	12.6.1.2(e)	mengambil maklum cadangan untuk menggabungkan skop proses utama prasiswazah dan siswazah di bawah peneraju yang sama bagi menambahbaik keberkesanan tindakan akan datang. Mesyuarat meminta perkara ini	TWP BAKD dan TWP PP SPS	TWP PP SPS: Telah membawa perkara ini untuk dibincangkan bersama mantan Ketua Pentadbiran Pejabat TNCAA pada 31 Januari 2023 dan akan diperhalusi

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB / TINDAKAN	STATUS PERANCANGAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN
		diperhalusi oleh pihak peneraju dan seterusnya dimaklumkan kepada CQA untuk tindakan lanjut.		cadangan ini dengan Ketua Pentadbiran Pejabat TNCAA baharu.
12.6.3.1 - Audit SIRIM QMS dan ISMS Tahun 2021				
10.	12.6.3.1(a)iv	QMS mengambil perhatian bukti tindakan OFI Audit SIRIM 2021 yang dilaksana oleh PTJ akan disemak keberkesanan tindakan pada Audit SIRIM tahun 2022.	PTJ yang berkenaan	Bukti tindakan OFI Audit SIRIM 2021 UPM telah disemak Ketua Juruaudit semasa Audit SIRIM QMS 2022 yang telah dilaksanakan di UPM 17 Oktober 2022 hingga 21 Oktober 2022.
11.	12.6.3.1(b)iv	ISMS mengambil perhatian bukti tindakan OFI Audit SIRIM 2021 yang dilaksana oleh PTJ akan disemak keberkesanan tindakan pada Audit SIRIM tahun 2022	PTJ yang berkenaan	Bukti tindakan OFI Audit SIRIM 2021 UPM telah disemak oleh Ketua Juruaudit semasa Audit SIRIM QMS 2022 yang telah dilaksanakan di UPM 17 Oktober 2022 hingga 21 Oktober 2022.
12.6.3.2 - Audit Dalam QMS dan ISMS Tahun 2022				
12.	12.6.3.2(d)	mengambil perhatian maklum balas pelan tindakan serta bukti pelaksanaan tindakan bagi penemuan audit dalaman perlu direkodkan melalui Portal Jaminan Kualiti (PortalCQA) mengikut tempoh yang ditetapkan oleh PTJ dengan persetujuan bersama Ketua Juruaudit Dalaman.	TWP PP/PTJ berkenaan	Maklum balas pelan tindakan serta bukti pelaksanaan tindakan bagi penemuan audit dalaman semua PTJ direkodkan melalui Portal Jaminan Kualiti (PortalCQA) dan perlu dipantau oleh TPAD dan TWP PP/PTJ bagi memastikan keberkesanan tindakan dan tindakan penutupan oleh KJAD mengikut tempoh yang ditetapkan.
12.6.4 - Prestasi Penyedia Luar				
13.	12.6.4(g)	mencadangkan pembekal yang tidak dapat memenuhi keperluan kontrak kerana perintah kawalan pergerakan (PKP) diberi pengecualian kerana faktor kekangan yang berada di luar kawalan pembekal.	Pejabat Bursar	Pembekal yang tidak dapat memenuhi keperluan kontrak kerana perintah kawalan pergerakan (PKP) telah memohon pengecualian. Tindakan yang telah diambil oleh Pejabat Bursar:- 1. Telah membawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti untuk kelulusan. 2. Pengantian kerja yang bersesuaian dengan pengesahan Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB / TINDAKAN	STATUS PERANCANGAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN
				<p>telah dilakukan dan kaedah ini tidak akan menjejaskan penilaian prestasi pembekal dan jumlah bayaran</p> <p>Pindaan kepada klausa di dalam kontrak perbekalan telah dibuat bersama pihak Pejabat Penasihat Undang- undang (PPUU) dengan mengambilkira situasi diluar kawalan seperti arahan PKP.</p>
12.7.1 - Sokongan Sumber Manusia				
14.	12.7.1(g)	<p>mengambil maklum isu-isu dalam pembangunan projek HRT seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Dokumen pra keperluan yang tidak lengkap; ii) Perubahan aliran (flow) proses semasa proses analisis dokumen pra keperluan; iii) Penambahan aliran proses selepas sistem diserahkan; <p>'Synchronisation' data di antara dua pangkalan data dan 'trigger' pangkalan data yang tidak beroperasi.</p>	Pejabat Pendaftar	<p>Pencapaian Projek Pembangunan Sistem Transformasi Aplikasi Sumber Manusia (HRT) bagi keseluruhan projek merangkumi Fasa 1, Fasa 2 dan Fasa 3 adalah sebanyak 90%. Fasa 1 dan Fasa 2 telah selesai 100%, manakala pencapaian semasa bagi Fasa 3 adalah sebanyak 62%. Sasaran lengkap dan penyerahan projek adalah pada 31 Disember 2023.</p> <p>Berkaitan proses 'sync' data, data-data yang melibatkan maklumat profil peribadi staf, perjawatan pentadbiran, sandang jawatan, kluster pensyarah, bidang pengajaran, pengalaman, tanggungan staf, gaji, rekod perkhidmatan, sejarah perjawatan staf, perjawatan terperinci staf dan rujukan kategori jawatan staf, proses 'sync' datanya telah pun berjalan secara auto (harian).</p> <p>Manakala bagi data-data seperti elaun pekerja, pengesahan dalam perjawatan, pemilihan kwsip dan pemberian taraf berpencen, proses 'sync' data berlaku secara separa auto. Proses secara auto sepenuhnya masih dalam proses pengujian.</p>

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB / TINDAKAN	STATUS PERANCANGAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/PENAMBAHBAIKAN
				Bagi data-data lain, masih dalam proses pengujian.
12.8.1 - Keberkesanan Tindakan bagi Menangani Risiko Strategik UPM				
15.	12.8.1(h)	mengambil maklum untuk risiko tinggi berulang Kewangan dan Aset, peneraju telah mengambil strategi tindakan untuk merawat risiko tersebut dan akan melakukan pemantauan.	Pejabat Bursar	Tindakan merawat risiko berulang Kewangan dan Aset dilaksana dan dipantau.
12.8.2 - Keberkesanan Tindakan bagi Menangani Risiko dan Peluang Sistem Pengurusan Kualiti (QMS)				
16.	12.8.2(j)	turut mengambil maklum terdapat dua (2) Isu Tahap Risiko Tinggi yang berulang bagi tahun 2021 dan 2022. Isu ini akan dibawa ke peringkat lebih tinggi bagi tujuan pemantauan tindakan.	PKU dan iAQUAS	<p>PKU: <u>Isu Dalam</u>an - Sistem eKlinik Pergigian sekarang tidak lagi relevan dan perekodan maklumat pesakit tidak dilakukan mengikut keperluan sepatutnya. <u>Tindakan:</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. PKU telah menghantar kertas permohonan (kertas kerja untuk mendapatkan sistem baharu) bagi mendapatkan kelulusan daripada Jawatankuasa Pengurusan Universiti pada 9 Februari 2023. 2. PKU telah menerima Petikan Minit JPU ke 855 (9/2023) pada 1 Mac 2023. Petikan minit tersebut adalah: <ol style="list-style-type: none"> a) Semakan dibuat terlebih dahulu berhubung penggunaan sistem dalam kalangan PKU UA serta membuat perbandingan sistem yang digunakan. b) Semakan juga sistem THIS yang digunakan di HSAAS. 3. PKU telah menghantar maklum balas kepada JPU pada 22 Mac 2023. 4. Maklum balas Sekretariat JPU adalah keperluan pihak PKU mengemukakan semula kertas

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB / TINDAKAN	STATUS PERANCANGAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/PENAMBAHBAIKAN
				maklum balas dengan maklumat tambahan yang diperlukan.
12.8.3 - Hasil Penilaian Risiko dan Pelan Pemulihan Risiko Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS)				
17.	12.8.3(e)	mengambil perhatian bahawa semua peneraju ISMS yang terlibat akan melaksanakan pemantauan dari masa ke semasa bagi memastikan keberkesanan tindakan kawalan serta pelan pemulihan risiko Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat di UPM.	TWP ISMS/ Pasukan Peneraju ISMS	Pemantauan berkala menerusi sesi penilaian risiko yang dijalankan sekurang-kurangnya 1 kali setahun serta platform Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS sebanyak 2 kali setahun.
12.10.1 - Cadangan Penamatan Pensijilan ISO 9001 dan ISO/IEC 27001 di UPM				
18.	12.10.1(b)	mesyuarat mengambil perhatian agar satu kaji selidik mengenai kesediaan warga UPM dalam melaksanakan kualiti secara sendiri perlu dilaksanakan.	Wakil Pengurusan UPM	Soal Selidik 'Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) di Universiti Putra Malaysia' telah dilaksanakan mulai 15 Mei 2023 hingga 31 Mei 2023. Hebahan menerusi info@upm.edu.my bagi tujuan pengumpulan maklum balas Warga UPM. Hasil dapatan adalah seperti di Lampiran.

**MAKLUM BALAS : TINDAKAN SUSULAN MKSP ISO QMS & ISMS 2022 [MINIT MESYUARAT 12.10.1(b)]
SOAL SELIDIK 'PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI (QMS) DI UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA'**



Soal Selidik 'Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) di UPM' mulai 15 Mei 2023 hingga 31 Mei 2023

